

12/03/2003

Masih ada harapan halang Amerika, konco serang Iraq

Azadin Ali

BAHANG peperangan semakin hangat terasa. Amerika Syarikat dan konco-konconya, tetap mahu melancarkan perang terhadap Iraq walaupun niat jahat

mereka tidak direstui oleh banyak pihak.

Washington tanpa menghiraukan pandangan pihak lain, berazam mahu menyerang Iraq.

Bantahan masyarakat dunia, termasuk daripada rakyat Amerika dan negara yang menyokongnya, tidak dihiraukan langsung.

Tekad Presiden George W Bush, mahu menyerang Iraq atas alasan memerangi keganasan.

Dunia mengetahui bahawa itu bukanlah alasannya dan ia hanya dijadikan alasan untuk memerangi rakyat Iraq yang tidak berdaya lagi. Sewaktu Amerika hampir menyerang Iraq, seluruh dunia tidak putus-putus mahu Washington dan sekutunya membatalkan niat jahat mereka itu.

Hingga saat ini, masyarakat dunia berterusan menganjurkan pelbagai kempen bagi menghalang peperangan. Pujian harus diberikan di atas usaha pelbagai pihak yang berfikiran serta bertindak waras dalam menghalang peperangan dan cintakan keamanan.

Bagi Malaysia, kita sudah menjalankan pelbagai usaha untuk membantu menghentikan serangan Amerika ke atas Iraq.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir dengan jelas menyatakan pendirian Malaysia yang tidak mahukan peperangan. Rakyat Malaysia juga mahukan peperangan dihentikan untuk mewujudkan dunia yang aman damai.

Suara kedamaian juga disuarakan melalui Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di Kuala Lumpur, baru-baru ini. Begitu juga

dengan Mesyuarat Khas Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) sempena Sidang Puncak NAM dan sidang tergepar OIC, di Doha, Qatar.

Apa yang jelas, dengan usaha itu, Malaysia semakin dikagumi dan disegani. Malangnya, ketika negara Islam seperti Malaysia, mahu mempertahankan rakan seagama yang jauh kedudukannya, negara Arab tidak mencapai kata sepakat untuk membantu negara jiran mereka.

Perbalahan segelintir pemimpin Islam ketika Mesyuarat Liga Negara-Negara

Arab dan mesyuarat tergepar OIC, baru-baru ini, bukan saja memalukan rakyat di bumi Arab, malah keseluruhan umat Islam.

Mereka mengeluarkan kenyataan senada di banyak persidangan dan mesyuarat

bagi menghalang peperangan, namun tindakan membenarkan operasi ketenteraan

bagi menyerang salah sebuah negara di kalangan mereka sendiri adalah aneh

dan bertentangan pendirian itu.

Walau apa juga alasan, ia tetap tidak dapat diterima oleh majoriti umat

Islam berbanding segelintir pemimpin yang penakut, bacul dan jauh daripada

layak bergelar khalifah di sisi Allah.

Budi yang ditabur oleh Amerika serta kuasa pemimpin yang dilindunginya jauh lebih berharga daripada jutaan nyawa kanak-kanak, wanita dan golongan

orang kurang upaya di negara yang ingin diserang.

Apakah nilai kepemimpinan bertujuan menyelamatkan kuasa, kekayaan dan kekuatan segelintir pemimpin Arab perlu dipertahankan? Sebaran pengetahuan

serta mesej keilmuan berkaitan kedamaian sebagaimana yang disarankan oleh

semua agama di dunia ini perlu dipertingkatkan.

Dunia tidak boleh berterusan mengharap ehsan pemimpin yang gila kuasa, kurang waras serta kekurangan martabat ilmu. Apa yang dilihat, kebanyakan keputusan pemimpin dunia yang menyokong peperangan ini sama ada

secara langsung atau tidak terikat kepada kepentingan diri dan negara masing-masing, tanpa menghiraukan pembunuhan dan penyembelihan jutaan kanak-kanak dan nyawa insan yang tidak berdosa.

Pemimpin dan masyarakat dunia yang cintakan keamanan tidak harus berputus harapan untuk meneruskan bantahan mereka terhadap niat jahat Amerika dan konconya hendak menyerang Iraq.

AZADIN ALI,

Batu Pahat, Johor.